

# Perisian antivirus telefon pintar

**A**dakah perlu untuk pasang perisian anti-virus ke dalam telefon pintar?

**Sahak, Leban Chondong.**

Secara umumnya, kebanyakan sistem pengoperasian yang digunakan bagi telefon pintar adalah sistem Android, Windows Phone dan iPhone. Sekiranya telefon pintar ini dapat digunakan secara baik dan selamat, pemasangan perisian antivirus dalam telefon pintar tidak diperlukan.

Antara penggunaan selamat bagi sesebuah telefon pintar adalah seperti berikut.

## Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**  
sembangict@yahoo.com

**1** Pastikan memuat turun apa-apa perisian atau aplikasi daripada sumber yang boleh dipercayai seperti Google Play Store, Windows App Store atau iPhone AppStore. Setiap perisinaan daripada sumber ini akan ditapis keselamatannya oleh pihak bertanggungjawab bagi memastikan perisian tersebut

bukannya *Malware*. Namun begitu, perkara ini tidaklah sentiasa tepat dan dijamin 100 peratus. Sekiranya apa-apa perisian dimuat turun daripada mana-mana sumber lain, telefon pintar akan memberi amaran seperti mana dalam sistem Android akan dipaparkan pilihan *accept the risks* untuk pengguna.

**2** Sentiasa membuat kemas kini ke atas sistem pengoperasian bagi telefon pintar yang digunakan.

**3** Tidak menggunakan sistem capaian Internet tanpa wayar yang

diperuntuk untuk kegunaan awam secara percuma.

Sekiranya tidak diyakini penggunaan telefon pintar secara selamat atau penggunaan telefon pintar secara terlalu kerap bersambungan dengan Internet, bolehlah dipasangkan perisian antivirus ke dalamnya.

Keburukan penggunaan perisian antivirus adalah penggunaan telefon pintar akan menjadi perlahan atau lebih lambat. Ini kerana apa sahaja aktiviti dilakukan di dalamnya perlu disaring terlebih dahulu menerusi perisian antivirus ini. Malah, kewujudan perisian antivirus

dalam telefon pintar itu sendiri juga membebankan kerana penggunaan memori, storan dan pemproses telefon pintar secara berlebihan.

Bagi sistem Android, hampir mustahil untuk dipasangkan *Malware* kerana sistem Android tidak mempunyai mod kebenaran pentadbir atau *administrator rights* seperti mana yang terdapat dalam sistem Windows.

Oleh itu, sekiranya *Malware* terpasang ke dalamnya, teramat sukar untuk sesuatu perkara buruk berlaku ke atas sistem Android. Namun begitu, ini bukanlah jaminan 100 peratus.